

Headline	Tawar lebih 800 jenis makanan		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	19 Jul 2019	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	38	ArticleSize	269 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,703
Journalist	MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID	PR Value	RM 17,109
Frequency	Daily		



Tawar lebih 800 jenis makanan

#FamaFest
berlangsung lima hari bermula
25 Julai

MOHAMAD HAFIZI
MOHD SAID

IPOH

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak menjangkakan kehadiran 330,000 pengunjung sempena Pesta Bunga, Buah dan Makanan 2019 (#FamaFest) bermula 25 hingga 29 Julai.

Timbalan Pengarah FAMA Perak, Idris Tahir berkata, terdapat lebih 800 jenis makanan ditawarkan kepada pengunjung pada pesta yang berlangsung lima hari di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

**PESTA BUNGA,
BUAH DAN
MAKANAN 2019**



Idris (dua dari kiri) menunjukkan burger ais krim yang akan dijual sempena #FamaFest 2019 berlangsung pada 25 hingga 29 Julai ini.

“Tahun lalu lebih 260,000 pengunjung dengan nilai jualan diperoleh sebanyak RM2.20 juta sepanjang lima hari.

“Tahun ini, nilai jualan kita jangka RM3 juta,” katanya pada sidang media sempena #FamaFest 2019 di RTC Gopeng semalam.

Menurutnya, kali ini makanan

viral di Perak dan negeri lain turut ditawarkan.

“Terdapat 808 menu popular dari Perak, Johor Bahru, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kelantan seperti nasi ganja, burger ais krim, masak lemak cili api, ikan dan daging salai.

“Selain makanan, terdapat pelbagai aktiviti ditawarkan kepada pengunjung,” katanya.